

19 OCT 2000

ANALISIS-CUKAI KELUAR

ANALISIS: APAKAH KERAJAAN AKAN HAPUS ATAU KURANGKAN CUKAI KELUAR?

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Apakah kerajaan, menerusi Belanjawan 2001 akan menghapus atau mengurangkan cukai keluar ke atas penghantaran pulang keuntungan hasil daripada pelaburan ekuiti di dalam negara?

Isu ini diperhatikan secara teliti dan dengan dada yang berdebar-debar oleh masyarakat pelabur, terutamanya orang asing yang menyifatkan levi ini sebagai satu halangan pentadbiran.

Mereka juga mengharapakan yang menteri kewangan Tun Daim Zainuddin akan memperkatakan mengenai isu ini ketika ia menyampaikan ucapan belanjawan pada pukul 4 petang 27 Oktober ini.

Tetapi, mungkinkah beliau akan berbuat demikian (memperkatakan mengenai isu ini)?

Ramai pelabur-pelabur asing masih lagi "berdolak-dalik" mengenai levi masuk 10 peratus yang dikenakan, yang pernah satu masa dulu setinggi 30 peratus sebelum kerajaan mengurangkannya pada 21 September tahun lepas.

Levi itu telah dilaksanakan pada 1 Sept, 1998 bagi menangani aktiviti-aktiviti penyangak matawang yang menggunakan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk menjalankan kegiatan mereka. Kegiatan mereka ini sebaliknya telah menimbulkan "huru-hara" ke atas ringgit dan juga bursa saham tempatan.

Pada masa yang sama, kerajaan menetapkan kadar ringgit pada 3.80 untuk satu dolar AS bagi menghentikan kemeruapan yang berlebihan ke atas matawang tempatan.

Tidak dapat disangkal lagi yang langkah-langkah yang diambil kerajaan ini membawa kepada kestabilan pada kedua-dua ringgit dan ekonomi. Ekonomi menunjukkan pemulihan yang mengagumkan daripada -7.5 peratus dalam tahun 1998 kepada pertumbuhan 5.4 peratus tahun lepas.

Dan pada tahun ini, ekonomi negara akan meningkat kepada sekurang-kurangnya enam peratus. Tetapi, ramai penganalisis termasuk orang asing, berpendapat yang unjuran ini terlalu konservatif kerana ia boleh mencapai lebih daripada angka yang diunjurkan itu. Terima kasih diucapkan kepada kenaikan harga minyak mentah memandangkan Malaysia merupakan pengeksport bersih minyak.

Beberapa pemerhati pasaran pula mendakwa yang BSKL kekurangan aktiviti urusniaga sejak kebelakangan ini, terutamanya dari institusi-institusi asing.

Mereka merasakan yang pasaran saham boleh mendapat dorongan jika cukai keluar, yang mereka sifatkan sebagai "bukan bersifat insentif" dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali.

Pada pertengahan bulan lepas, BSKL menyaksikan aktiviti yang "kencang" apabila terdapat khabar angin yang kerajaan mungkin menghapuskan levi berkenaan atau mengurangkan peratusannya ke pada lima peratus daripada 10 peratus sekarang ini.

Pada awal tahun ini Datuk Dr Zainal Aznam Yusof, Penolong Ketua Pengarah Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) dan ahli kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pernah berkata levi penghantaran pulang patut dikaji semula memandangkan ekonomi Malaysia telah pulih.

Beliau bagaimanapun merasakan tiada alasan-alasan kukuh untuk menukar penetapan ringgit.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membantu melaksanakan kawalan-kawalan modal berpilih ini bagi mengekang manipulasi yang berlebihan oleh spekulator-spekulator asing dua tahun

lepas, berkata "Malaysia akan tetap dengan kawalan-kawalan ini".

"Kerana kita tidak boleh membiarkan pasaran menentukannya. Pasaran tidak bertanggungjawab dan mereka (spekulator) boleh fikir berapa banyak wang yang mereka boleh raih untuk diri mereka sendiri," kata beliau ketika ditemuramah oleh The Times.

Dr Mahathir berkata amatlah mudah bagi orang asing melabur di pasaran saham tempatan memandangkan mereka boleh membawa masuk dan keluar wang dari Malaysia.

"Satu perkara yang mereka diminta buat ialah membayar 10 peratus cukai keuntungan yang mereka bawa keluar dari negara ini. Itu sahaja. Dan ia merupakan jumlah yang kecil. Kami tidak dikenakan cukai ke atas keuntungan modal, jadi sudah tentu mereka memperolehi keuntungan modal yang banyak. Jadi, secara praktiknya tiada pembatasan untuk kemasukan modal jangka pendek."

Untuk sementara waktu, pelabur-pelabur mestilah bersikap sabar dan menunggu masa untuk kerajaan memutuskan apa yang terbaik untuk ekonomi dan pasaran saham.

-- BERNAMA

SHY MR AA MA